

**PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM MEMBANTU MEMBUAT KERJA RUMAH (MATEMATIK)
DIKALANGAN PELAJAR TINGKATAN DUA. SATU TINJAUAN DI SEBUAH
SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH MUAR.**

Mohd Fami Bin Mohd Sahid
Mohamed Sharif Bin Mustaffa PhD
En. Roslee Bin Ahmad

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah temubual. Ia bertujuan untuk melihat penglibatan ibu bapa dalam menyiapkan kerja rumah matematik para pelajar, meninjau perasaan pelajar dan meneroka kepercayaan pelajar mengenai pencapaian mereka. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah di daerah Muar melibatkan enam orang pelajar perempuan tingkatan dua. Rakaman temubual diproses menggunakan perisian Atlas/ti. Hasil kajian mendapati ibu bapa kerap membantu anak-anak membuat kerja rumah. Ini dilakukan melalui teknik modeling, pengukuhan dan arahan langsung. Hasil kajian juga mendapati para pelajar berasa seronok jika ibu bapa melibatkan diri, pemahaman yang lebih dan menunjukkan kesan positif daripada bimbingan ibubapa. Secara keseluruhan kajian ini mendapati para pelajar mempunyai kepercayaan yang positif terhadap penglibatan ibu bapa dalam menyiapkan kerja rumah matematik. Ini dapat dilihat daripada aspek pencapaian akademik para pelajar melalui ketepatan, pemahaman dan tugas yang diberi oleh guru. Walaubagaimanapun, hasil kajian turut mendapati terdapat pandangan ibu bapa yang bercanggah dengan pandangan guru. Di harap kajian ini dapat menjadi satu panduan kepada masyarakat tentang penglibatan ibu bapa dalam membantu anak-anak membuat kerja sekolah demi kecemerlangan mereka pada masa hadapan.

PENGENALAN

Isu kerja rumah pelajar memang telah lama diambil berat oleh para pendidik, ibu bapa dan pelajar sendiri. Ramai bersetuju bahawa tujuan diadakan kerja rumah adalah supaya dapat memudahkan pembelajaran, meningkatkan perkembangan diri dan kemahiran mengorganisasi dan menggalakkan pelajar supaya lebih berdisiplin. Dengan bertambahnya komitmen bukan akademik dan tekanan-tekanan lain, beberapa pengkaji telah mula meneroka tentang kerja rumah dari sudut luarannya dan mengkaji dari sudut dalaman diri pelajar sendiri yang melakukan kerja rumah itu.

Di sekolah, pelajar belajar dengan cara yang tertentu, biasanya ditentukan oleh guru dalam bentuk kelompok dan jarang sekali belajar secara individu. Berbeza pula dengan kerja rumah, di mana pelajar-pelajar diberi pelbagai pilihan. Pertamanya, mereka boleh membuat keputusan sama ada mereka hendak membuat semua kerja rumah, jumlah masa yang akan diberikan dan usaha yang akan diletakkan untuk menyiapkan tugas tersebut. Setelah mereka membuat keputusan tersebut, mereka boleh memilih pelbagai cara untuk membuat kerja rumah tersebut dengan cara yang mereka sukai. Ada pelbagai perbezaan individu mempersembahkan kerja rumah mereka. Antaranya dari sudut sumber dan kekuatan motivasi membuat kerja rumah, kegemaran mereka tentang apa, bila, bagaimana, di mana dan dengan siapa mereka mahu membuat kerja rumah itu.

Di negara Malaysia, isu kerja rumah selalu menjadi topik perbincangan oleh warga pendidik, ibu bapa dan pelajar-pelajar sendiri. Pada awal tahun ini pihak Kementerian Pendidikan sedang mengatur strategi bagaimana kerja rumah tidak terlalu banyak diberi oleh guru dan diberi kepada pelajar-pelajar secara terancang. Kajian terbaru mengenai beban kerja rumah telah dibuat oleh seorang warga Australia ke atas pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa 44.3% pelajar sekolah rendah dan 39.7% pelajar-pelajar sekolah menengah mempunyai kerja rumah yang terlalu banyak (New Sunday Times, 20 Februari 2005)

Oleh kerana isu ini menarik dan universal, pengkaji ingin membuat satu tinjauan sejauh mana penglibatan ibu bapa dalam membimbing anak-anak membuat kerja rumah dan kesan kepada pelajar. Kesan yang ingin dilihat adalah dari sudut perasaan dan kepercayaan pelajar tentang penglibatan ibu bapa dan peningkatan pencapaian akademik matematik mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Kecemerlangan pendidikan adalah kunci dan asas kepada kejayaan kerjaya dan hidup pada masa hadapan. Kecemerlangan tidak akan tercapai jika tidak ada usaha, kesabaran dan semangat belajar yang tinggi. Minat dan kerajinan saling berkait bagi mencapai kejayaan ini. Ada pelajar yang minat untuk belajar dan rajin, tetapi kurang mendapat bimbingan dari orang lain seperti ibu bapa, guru dan rakan sebaya. Kejayaan akan dapat dicapai jika mereka mendapat bimbingan yang betul dan galakkan yang berterusan daripada orang yang berada di sekeliling mereka.

Di sekolah, kerja rumah merupakan sebahagian daripada rutin yang perlu dialami selagi individu digelar pelajar. Kerja rumah diberi oleh guru setiap hari dan perlu dilakukan di luar waktu persekolahan. Pada kebiasaannya ia perlu dilakukan di rumah. Oleh kerana pelajar terdiri daripada pelbagai latar belakang, maka tidak semua pelajar dapat menyiapkan kerja rumah yang diberi guru. Pelbagai kekangan dialami seperti masalah peribadi, faktor sosial dan sebagainya.

Kerja rumah juga merupakan sebahagian daripada faktor kejayaan pelajar selain daripada faktor guru dan persekitaran di sekolah itu sendiri. Oleh kerana kerja rumah perlu disiapkan di rumah, pengkaji ingin tahu tentang penglibatan ibu bapa dari persepsi pelajar itu sendiri. Pengkaji juga ingin tahu sejauh mana ia memberi kesan kepada pelajar-pelajar tersebut dari segi perasaan, kepercayaan dan peningkatan pencapaian terhadap bantuan yang diterima dari ibu bapa.

METODOLOGI

Setiap penyelidikan memerlukan reka bentuk yang tertentu yang boleh memberikan data yang digalakkan untuk menyelesaikan sesuatu masalah kajian. Pengumpulan data amat penting kerana tanpa sokongan data, objektif penyelidikan sukar dicapai. Perancangan yang teliti dapat membantu memudahkan data serta maklumat penyelidikan dikumpul, dianalisis dan seterusnya dinilai.

Dalam bab ini, pengkaji akan mengemukakan pengkaedahan yang digunakan dalam kajian. Aspek-aspek yang diberikan penekanan ialah rekabentuk kajian, tempat kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, kajian rintis, kaedah pengumpulan data, cara menganalisis data, menulis laporan kes dan rumusan.

TEMPAT KAJIAN

Kajian ini dilakukan ke atas pelajar-pelajar tingkatan dua di sebuah sekolah menengah di daerah Muar. Ia juga merupakan sekolah di mana pengkaji bertugas. Sekolah tersebut dipilih supaya pengkaji mempunyai ruang yang luas untuk bertemu pelajar-pelajar yang dipilih sebagai sampel pada sebarang masa untuk menjalankan kajian.

POPULASI KAJIAN

Menurut Robson (1998) sampel bertujuan membenarkan penyelidik untuk mengenalpasti keperluan utama kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah sampel bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat terpilih serta berkaitan bagi melakukan penyelidikan yang lebih mendalam. Ia juga memudahkan penyelidik mendapatkan data-data dan maklumat yang lebih telus, kaya dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Memandangkan kajian ini merupakan kajian kualitatif, penyelidik melibatkan enam orang pelajar sahaja terdiri daripada kaum Melayu dan Cina yang berbeza latar belakang dan sosio-ekonomi. Pengkaji tidak berminat untuk melihat perbezaan faktor-faktor tersebut tetapi pengkaji lebih berminat untuk mengkaji sejauh mana penglibatan ibu bapa kepada pelajar-pelajar tersebut secara amnya.

INSTRUMEN KAJIAN

Dalam kajian ini, setiap pelajar diberikan dua puluh tugas matematik yang perlu disiapkan dalam tempoh sebulan. Pelajar diminta menyiapkan soalan-soalan tersebut dengan meminta mereka melibatkan sama ibu bapa di rumah. Tugas matematik tersebut meliputi konsep asas seperti tambah, tolak, darab, bahagi dan pecahan.

Setelah 20 tugas ini disiapkan pelajar ditemubual seorang demi seorang dengan menggunakan instrumen kajian yang mengandungi tiga soalan utama untuk dijawab. Menurut Patton, (1990), temubual membolehkan penyelidik mengetahui apa yang ada dalam minda seseorang (Patton, 1990), atau apabila penyelidik tidak dapat melihat tingkahlaku, perasaan seseorang dan apabila sesuatu peristiwa yang tidak boleh diulang semula (Merriem, 1998). Sesi temubual itu dirakam untuk tujuan membuat analisis dan interpretasi.

CARA MENGANALISIS DATA

Semua maklumat yang telah didapati melalui temubual akan dikumpul dan dianalisiskan. Menurut Mohamed Sharif (2001), tujuan penganalisisan data ialah untuk mencari makna dalam data dan ia dijalankan secara menyusun dan membentangkan maklumat secara sistematik. Menurut Schwandt (1997) analisis data merupakan aktiviti untuk memberi makna, menginterpretasi dan memberi teori kepada data. Penyelidik menyusun data supaya perbandingan, kontra dan pemerhatian yang lebih halus dibuat dan ditunjukkan. Data telah dikategori bukan sahaja untuk mengira kejadian bahkan untuk membenarkan analisis dan perbandingan dalam satu kategori.

Mohamed Sharif (2001) menyatakan analisis kualitatif biasanya termasuk dalam tiga proses:

1. Pengurangan data menunjukkan kepada proses memudahkan data supaya lebih mudah dikendalikan atau persampelan dari set data memasukkan apa yang relevan dan mengeluarkan apa yang tidak relevan.

2. Pameran data merujuk kepada cara data disusun. Jumlah data yang besar adalah terkumpul dan mudah dikendalikan.
3. Kesimpulan dan pengesahan dibuat berdasarkan kebiasaan, corak, penerangan, hubungan kasual konfigurasi dan pengusulan.

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

Dalam bab ini, dapatan kajian yang telah dianalisis akan dibincangkan supaya satu rumusan dapat dibuat. Bab ini akan membincangkan dapatan kajian berdasarkan kepada tiga soalan iaitu penglibatan ibu bapa di dalam kerja rumah, perasaan responden apabila ibu bapa membantu membuat kerja rumah dan kepercayaan mereka terhadap peningkatan pencapaian matematik sekiranya ibu bapa membantu mereka membuat kerja rumah.

Penglibatan Ibu Bapa Di dalam Kerja Rumah

Kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa terlibat di dalam kerja rumah matematik yang dibuat oleh anak-anak mereka. Penglibatan ibu bapa di dalam kajian ini adalah seperti yang dilaporkan oleh Hoover Dempsey dan Sandler (1995), iaitu dengan tiga cara (a) modeling, (b) pengukuhan (reinforcement), dan (c) arahan langsung (direct instruction). Contohnya, apabila ibu bapa membantu anak-anak mereka membuat kerja rumah, mereka memodelkan keyakinan mereka bahawa menghabiskan masa dan tenaga untuk mengejar pendidikan adalah suatu aktiviti bernilai tinggi. Selain itu, apabila ibu bapa menyemak kerja rumah yang telah disiapkan, dia sebenarnya telah memperkukuhkan matlamat pendidikan. Akhirnya, apabila ibu bapa memberi arahan atau menyuruh anak-anak mereka membuat latihan masalah kerja rumah atau menambah soalan-soalan lain yang sama bentuk, mereka sebenarnya menggalakkan pembelajaran faktual dan kebolehan kognitif.

Penglibatan ibu bapa dari aspek *modeling* dapat dilihat apabila kesemua pelajar melaporkan bahawa ibu bapa mereka meluangkan masa untuk membantu mereka membuat kerja rumah. Mereka meluangkan masa dalam pelbagai cara seperti menunjukkan jalan kerja. Misalnya,

- R5. Dia tanya, tengok buku saya, sambil itu dia ajar.
- R6. Kadang-kadang dia memberi tunjuk ajar.
- R2. Dia akan tunjuk cara dan buat sama-sama.

Daripada maklumbalas di atas, nyatalah penglibatan ibu bapa dalam kerja rumah anak-anak mereka lebih berbentuk tutoran. Ini bermakna, sama ada kedua-dua atau salah seorang daripada ibu bapa mereka mesti mempunyai kemahiran matematik yang tinggi untuk membolehkan mereka memberi tutoran kepada anak-anak mereka. Ini memang nyata kerana hasil temubual itu mendapati empat daripada pelajar tersebut mempunyai ibu bapa berpendidikan Universiti luar negara, dan daripada empat, tiga daripadanya mempunyai latar belakang pendidikan aliran sains seperti ijazah kejuruteraan, fizik dan matematik. Justeru, latar belakang pendidikan mereka membolehkan mereka membantu anak-anak dengan cara aktif. Dalam kajian ini ibu lebih besar peranannya berbanding bapa.

Perasaan Pelajar Mengenai Penglibatan Ibu Bapa Di dalam Kerja Rumah

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keenam-enam pelajar menyatakan bahawa mereka merasa gembira dan seronok apabila ibu bapa mereka membantu mereka membuat kerja rumah. Seperti yang telah dinyatakan, dua tema muncul mengapa mereka merasa seronok mendapat bantuan daripada ibu bapa. Pertama, mereka merasa seronok kerana mereka dapat meningkatkan kefahaman mengenai kerja rumah, dan kedua, mereka merasa seronok kerana ia mendatangkan kesan positif. Contohnya, *"Seronok juga, sebab ibu banyak jalan kerja. Nanti dia akan tunjuk jalan A macam mana, jalan B macam mana, jalan C macam mana"* (R3). Seorang lagi pelajar menyatakan, *"Kalau mak dan ayah ajar, lebih mudah faham sebab ada chemistry-kan. Mak akan tunjukkan jalan kerja. Nanti dia akan betulkan yang mana salah, kesan satu-satu kesalahan tu dan dia boleh tunjukkan jalan kerja yang lebih baik, lebih senang, lebih mudah,"* (R6). Apa yang dinyatakan oleh pelajar-pelajar ini ialah, mereka merasa seronok kerana mereka lebih mudah faham dengan cara pengajaran ibu kerana ibunya mempunyai pelbagai cara untuk membolehkannya memahami kerja rumah itu, dan pada masa yang sama pemahamannya itu membantunya membuat kerja rumah matematik dengan betul.

Sebahagian lain pelajar pula menyatakan bahawa mereka seronok kerana semasa mereka membuat kerja rumah mereka ditemani oleh ibu atau bapa dan ia mendatangkan kesan positif. Maksudnya, ibu bapa tidak bersama-sama melibatkan diri dalam menyiapkan kerja rumah tetapi hadir sebagai teman sahaja. Pelajar-pelajar ini dapat berinteraksi dengan ibu bapa mereka seperti berbual-bual dengan mereka untuk menghilangkan kepenatan sambil berehat. Contohnya, *"Kalau kat rumah ada kawan, ada mak, mak boleh tolong, macam ada orang sayang kat kita, tidaklah keseorangan. Biasanya, mak ajak berbual, tidak sedih."* (R1). Seorang lagi pelajar berkata, *"Memang sangat seronoklah, sebab rasa macam ibu ada di sebelah, boleh tanya bila-bila. Tak cepat boringlah, ada orang ajak berbual. Tak mengantuklah."* (R6). Dari sini nyatalah bahawa ahli keluarga yang melibatkan diri dengan aktiviti yang berkaitan dengan sekolah boleh mempengaruhi bukan sahaja sikap pelajar terhadap kerja rumah, bahkan mungkin ia boleh meningkatkan pencapaian pelajar tersebut (Ball, Wedman & Demo, 1997)

Kepercayaan Bahawa Penglibatan Ibu Bapa Dalam Kerja Rumah Akan Meningkatkan Pencapaian Pelajar.

Semua pelajar percaya secara positif bahawa penglibatan ibu bapa dalam kerja rumah meningkatkan pencapaian mereka di sekolah. Bagi pelajar-pelajar di dalam kajian ini, gangguan kecil yang terbentuk sementara berlaku akibat kekeliruan seperti yang dinyatakan di atas, tidak akan mengganggu manfaat jangka panjang yang diakibatkan penglibatan ibu bapa dalam kerja anak-anak dan peningkatan pencapaian dilihat dari tiga aspek iaitu motivasi, kepercayaan dan keyakinan diri sendiri.

Motivasi

Motivasi merupakan sebahagian penting kehidupan seorang pelajar di dalam membuat kerja rumah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan penting di dalam motivasi kepada anak-anak. Motivasi inilah yang menggerakkan mereka untuk menyelesaikan kerja rumah yang diberikan. Responden-responden kajian ini percaya bahawa ibu bapa mereka memberi motivasi semasa mereka membuat kerja rumah. Contohnya, *"Aha.... itulah memang yang saya selalu mintak dari dia orang (motivasi). Emak beri sokongan dalaman misalnya markah rendah mak akan kaji, apasal markah rendah... mungkin kurang doa, kurang berusaha. Mak selalu beri sokongan dalam. Alhamdulillah, emak faham kita macam mana. Kalau tak faham susah jugak"* (R1).

Peranan Ibu Bapa

Seorang pelajar lain menyatakan mereka seronok mendapat bantuan daripada ibu bapa bukan kerana ibunya membantu membuat kerja rumah, tetapi ibunya *"berpesan memenuhi tanggungjawab sebagai ibu bapa"* (Fantuzzo, Davis & Ginsberg, 1995). Maksudnya, ibunya menyediakan minuman atau makanan ringan semasa anak-anak membuat kerja rumah. Katanya, *"Kadang-kadang tu, bila kita buat kerja rumah, mengantuk, kadang-kadang boring, nanti dia buat air susu atau Ovaltine, ataupun Oatmeal,"* (R2). Seorang lagi menyatakan, *"kadang-kadang emak saya buat saya minuman semasa saya membuat kerja rumah pada waktu malam. Boleh buka radio supaya tidak mengantuk,"* (R6).

Rumusan

Para pengkaji dan penggubal dasar sering menyatakan akan nilai penglibatan ibu bapa untuk mempengaruhi secara positif pencapaian akademik pelajar-pelajar (Epstein & Connors, 1995). Oleh yang demikian, adalah penting kita bukan sahaja mempertingkatkan tahap penglibatan ibu bapa, bahkan kita juga patut mempertingkatkan pencapaian mereka di sekolah. Seterusnya, dapatan kajian ini menyokong agar dipertingkatkan lagi penglibatan ibu bapa di dalam kerja rumah anak-anak. Kajian ini juga mendapati bahawa pengalaman membuat kerja rumah adalah sesuatu yang menyeronokkan. Ia membawa pemahaman, yang lebih mendalam dan menyebabkan pelajar-pelajar lebih tepat dan mantap di dalam kemahiran matematik mereka.

Kajian ini juga membenarkan kajian-kajian lalu yang menyatakan bahawa kerja rumah sememangnya memberi kesan kepada peningkatan pencapaian pelajar. Keith (1982) menyatakan bahawa peningkatan masa kerja akan meningkatkan pencapaian. Bagaimanapun beliau mengingatkan bahawa meningkatkan masa membuat kerja rumah ke satu paras yang tertentu akan menyebabkan pulangan yang berkurangan. Austin (1979) pula membuat kesimpulan bahawa untuk matematik, kerja rumah yang diwajibkan adalah lebih baik daripada kerja rumah sukarela. Beliau menambah, tanpa tugas matematik pada sesuatu peringkat akan menyebabkan kesan buruk yang berurutan pada peringkat seterusnya.

Satu lagi aspek yang menarik hasil dapatan ini ialah penglibatan ibu bapa sebagai tutor di rumah. Selain daripada manfaat-manfaat yang telah dibincangkan di atas, Johnson & Jason (1994) menemui satu dapatan yang menarik. Mereka berpendapat bahawa tutoran oleh ibu bapa mempunyai kaitan dengan tingkah laku pelajar yang dikatakan lebih mudah menyesuaikan diri dan lebih disukai rakan-rakan dan pada masa yang sama dapat menghayati tingkah laku dalam bilik darjah. Maksudnya, tutoran di rumah yang disertai dengan pendisiplinan yang asertif dan pemodelan tingkah laku prososial boleh mengurangkan masalah sosial di sekolah.

RUJUKAN

- Austin, J.D., (1979). Homework research in mathematics. *School Science and Mathematics*, Vol. 79, 115-121
- Balli, S., Wedman, J., & Demo, D., (1997). Family involvement with middle grade homework: Effect of differential prompting, *The Journal of Experimental Research*. 66/1.31-48)
- Fantuzzo, J.W., Davies, G.Y., & Ginsberg, M.D. (1995). Effect of parent involvement in isolation or in combination with peer tutoring on student self-concept and mathematics achievement, *Journal of Educational Research*, Vol. 87, No.2, 272-281.
- Hoover-Dempsey, K.V., & Sandler, H.M., (1995). Parental involvement in children's. education:

Why does it make difference? *Teachers College Record*, 97(2), 310-331.

Hoover-Dempsey, K.V., Bassler, O.C., & Burow, R.(1995). Parents reported involvement in students homework: Strategies and practices. *Elementary School Journal*, 95,435-450.

Johnson, J.H.,& Jason, L.A.,(1994). The development of a parent-tutor assessment scale. *Urban Education*, Vol.29 No.1, 22-23.

Merriam, S.B.,(1988). *Case Study in Education: A Qualitative Approach*. San Francisco, Jossey-Bass Publishers.

Mc Dermott, R.T., Goldman, S.V., & Varenne, H.,(1984). When school goes home: some problems in the organization of homework. *Teacher College Record*, 85(3),391-409

Mohamed Sharif Mustaffa, (2001) *The analysis of counseling in context: A qualitative research case study approach to practice in Malaysian Secondary Schools*. Tesis PhD. The School of psychology and counseling. Faculty of Health, Queensland University of Technology, Australia.

New Sunday Times, 20 Februari 2005

Patton, M.Q.,(1990). *Qualitative Evaluation and Research Method*. London: Sage Publications

Robson, C.(1998). *Real World Research: A Resource for Social Scientist and Practitioner-Researshers*, Oxford: Blackwell Publishers.

Schwandt, T.A.(1997). *Qualitative Inquiry: A Dictionary of Terms*. Thousand Oaks: Sage

Yin, R.K. (1994). *Case Study Research Design and Method*. Second Edition. London: sage Publication